

**Gah!** Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

# Teroka balik tabir seni, perjelas budaya sendiri



**INGIN BUKA SEKOLAH SENI:** Cik Muslihah Mujtaba, yang bermula sebagai penari tarian Melayu Sri Warisan, ingin memanfaatkan pengajian pengurusan seni dan amalan teater di luar negara bagi membangunkan sekolah seni yang inovatif suatu hari nanti. – Foto KHALID BABA

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

**PENGLIBATAN** Cik Muslihah Mujtaba dalam bidang tarian Melayu di bawah kumpulan Sri Warisan telah membawanya melihat dunia.

Kaki gadis yang kini berusia 22 tahun itu telah menjejaki bumi Filipina, Korea, Australia, Indonesia, Malaysia, Perancis dan Russia.

Bagaimanapun, setelah sekian lama berada di depan khalayak ramai, beliau kepingin menyelongkar kerja belakang tabir pementasan teater pula.

Lantas, berbekalkan Diploma Pengurusan Seni (Seni Pementasan) Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), Cik Muslihah mengikuti pula kursus sarjana muda sastera (kepujian) dalam amalan teater di Royal Central School of Speech and Drama di London.

Di situlah, beliau mengenali jerih payah bergelar pelajar asing di rantauan yang berdepan dengan tanggapan kabur sesetengah pelajar Barat yang tidak terdedah kepada dunia luar lantas payah memahami tentang ajaran Islam yang sebenar.

Cik Muslihah kembali ke Singapura bagi menerima Anugerah Belia Harapan Goh Chok Tong di Galeri Nasional Singapura baru-baru ini.

Beliau juga sedang berehat selama setahun daripada pengajian luar negaranya itu sebelum menyambung semula kursus tersebut.

Bagi Cik Muslihah, beliau ingin memanfaatkan masa yang ada di sini bagi mengumpul pengalaman dalam kerja-kerja belakang tabir bagi penerbitan acara atau naskhah pentas di Singapura.

Sekembalinya ke London, pihak universiti ingin beliau menerajui peranan sebagai duta budaya yang boleh berkongsi pengalaman dan mengikis segala tanggapan pelajar di negara itu tentang budaya Islam dan amalannya di Singapura.

Ketika ditemui *Gah!* di Esplanade, Cik Muslihah berkata:

“Sebenarnya, banyak perkara yang saya impikan dapat diusahakan berbekalkan pengalaman saya berkecimpung dalam seni tarian dan juga kerja belakang tabir.

“Saya ingin menjadi pengamal seni kacukan yang peka dalam menjana karya seni yang artistik tetapi inovatif. Saya ingin mencetus inspirasi buat anak Melayu daripada latar belakang keluarga yang kurang bernasib baik atau berantakan agar memburu minat mereka dalam bidang seni.”

Pada akhirnya, beliau ingin membawa pengalaman belajar di luar negara dan menguruskan pementasan di sana sebagai sandaran dan dorongan bagi membuka sekolah seni pementasan di Singapura.

Mengenai pengalaman yang mengubah hidupnya apabila belajar di rantauan, Cik Muslihah dengan jujur menyatakan pada awalnya beliau setakat menelan sahaja kepehitan yang dirasakan.

“Memandangkan saya adalah satu-satunya pelajar asing di institusi itu dan mereka tidak pernah bergaul dengan orang keturunan Asia pun, maka banyak perkara yang mereka kurang fahami tentang budaya Singapura dan fahaman Islam yang dicemari media Barat.

“Mereka lihat cara saya berpakaian dan keperluan saya mencari makanan halal jauh berbeza daripada budaya mereka. Ada yang meluahkan kekat kesat atau buat tak endah sehingga saya rasa tersisih,” kongsiinya.

Namun, enam bulan selepas mengharungi pengalaman yang menduga kesabaran dan menggugat semangat positif, Cik Muslihah akhirnya berkongsi dengan pemsyarahnya yang baik hati tentang layanan yang diberi sesetengah pelajar lain terhadapnya.

“Alhamdulillah, kepekaan mereka membuka ruang bagi satu sesi perkongsian budaya dan agama dibuat bagi pemahaman sesi masyarakat kampus.

“Saya perlu bangkit dan berbual secara terbuka tentang jerih payah yang saya alami sehingga menjejaskan tumpuan saya dalam pelajaran.

“Alangkah terkejutnya saya apabila mereka yang mula-mula mengecam dan tidak pedulikan perasaan saya tiba-tiba tampil dan meminta maaf. Mereka akur tidak faham dan tahu tentang budaya luar dan tersentuh dengan pengakuan jujur saya. Keadaan menjadi lebih baik selepas itu,” katanya.